

# Edisi

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
• PENCETUS MINDA GENERASI •

Bil. 3/2020 • NASKHAH PERCUMA • www.mais.gov.my • No. ISSN: 2289 -635X



TAKUT ALLAH ATAU  
COVID-19?

MS 4

## Wabak dan keegoan manusia

Lihat • ms/3 >>



### Kata-Kata Hikmah

Janganlah kau bersikap lemah dan janganlah kamu bersedih hati, padahal kamulah orang yang paling tinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman.

(Surah Ali Imran ayat 139)

Dr. Che Mad

WABAK YANG  
MENGGEMPARKAN DUNIA

MS 7

PENGUBATAN ISLAM:  
KAEADAH REFLEKSOLOGI  
ROTAN

MS 8

IMAM NAWAWI

MS 18

Gambar Hiasan



Celik Info Muallaf

# Fahami Erti MUALLAF

Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 muallaf bermaksud seseorang yang baru memeluk agama Islam (di bawah Seksyen 107 Enakmen).

Apakah yang menentukan kesempurnaan Syahadah:

- 1 Mengucap dua kalimah syahadah dalam Bahasa Arab
- 2 Muallaf tersebut faham maksud dua kalimah Syahadah
- 3 Dibuat dengan rela hati

Had tempoh panggilan muallaf di Negeri Selangor adalah dalam tempoh maksima 5 tahun ‘uruf’ dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktiraf oleh Lembaga Zakat Selangor.



## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA PENDAFTARAN MUALLAF



### PEMOHON 18 TAHUN KE ATAS

- Mykad / Pasport Dan Visa yang masih sah laku
  - Gambar 2 Keping
- Mykad 2 orang saksi lelaki beragama Islam

Info lanjut: [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)

#MuallafAwareness

### PEMOHON BAWAH 18 TAHUN (KANAK-KANAK)

- Mykad / Mykid / Sijil Kelahiran / Pasport Dan Visa yang masih sah laku
- Keizinan daripada ibu dan bapa
  - Keizinan daripada ibu atau bapa yang mendapat hak jagaan penuh (sole custody) ke atas kanak-kanak melalui perintah hak jagaan anak dari Mahkamah (Jika berkaitan)
  - Surat perakuan hak penjagaan atau Sijil Pengangkatan anak angkat (Jika berkaitan)
  - Gambar 2 Keping
- Mykad 2 orang saksi lelaki beragama Islam

## SEGERAKAN PENDAFTARAN APABILA TELAH MEMELUK ISLAM

- 1 Setiap pengislaman yang berlaku hendaklah didaftarkan di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- 2 Pendaftaran boleh dibuat melalui 32 buah Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) MAIS yang terdiri daripada:
  - Ibu Pejabat MAIS
  - 9 Pejabat Agama Islam Daerah (PAID)
  - 13 Masjid
  - 9 Pertubuhan Islam Islam Bukan Kerajaan (PIBK)

Senarai lengkap Pusat Pengurusan Islam boleh dirujuk di:  
[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



maisgov.my

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



Sidang Editorial  
**EDISI**

### KETUA PENGARANG

Mohd Farid bin Baharon

### PENGARANG

Noormala binti Mohd Saad

### PENOLONG PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

### EDITOR

Salawati binti Hamid

### SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

### JURUFOTO

Shahrul Effendy bin Md Saat

### KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid


Halim bin Mokhtar

Siti Zurinah binti Zainal Abidin

Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ahmad Firdaus bin Muhammad

Hasal bin Senin



# Wabak dan keegoan manusia

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
Pengurus Sekretariat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)


**S**ejarah pandemik melanda dunia bagaikan siklus. Berulang dan berulang. Setiap kali ia mewabak, korbannya berguguran bagaikan sakura di penghujung musim bunga. Banyak yang meratapi. Sayangnya, amat sedikit yang menginsafi. Hakikat, keegoan manusia itulah umpan yang menjemput sang wabak untuk datang lagi.

Wabak *Justinian* (541M) meluluhkan empayar Justinian di Byzantine (Istanbul). Puncanya sang tikus yang menumpang kapal dari Mesir. Wabak *Black Death* (1346-1353M) pula mengorbankan 200 juta manusia, dan disebarluaskan oleh kutu. Cacar air sejak zaman Empayar Mesir lama menyerang 56 juta manusia, sehingga vaksin tercipta pada 1976. Aids, wabak yang dikesan 1980an pula, sehingga kini memaksa kita untuk hidup rela ‘bersama’ tanpa vaksinnya.

Masih banyak kajian boleh dilakukan mengenai wabak ini. COVID-19 ini satu daripadanya. Makhluk ‘halus’ yang menyerang lalu melumpuhkan manusia dengan cepat. Tukang sapu, presiden hatta maharaja tiada bezanya. Sebuah kampung atau negara besar tiada maknanya. Sekali ia datang, jeneral tentera paling garang pun menggilil ketakutan.

Inilah dampak keegoan manusia. Merasa pintar, lalu menolak aturan Tuhan. Punca semua pandemik ini adalah manusia yang enggan ‘belajar’. Ambil contoh kebersihan. Apabila diabaikan, ia menjadi punca wabak. Lalat, lipas, tikus dan nyamuk merajalela. Kutu dan bakteria menumpang. Sistem saliran tercemar. Air bersih rosak. Tunggulah musibah baharu. Bahana ego manusia yang enggan menjaga kebersihan.

Ambil contoh makanan. Allah SWT ciptakan 1001 jenis makanan. Namun kerana merasa pintar, memilih haiwan eksotik sebagai hidangan. Konon untuk memanjangkan usia atau menambahkan tenaga. Kesannya apa? Bukan makin sihat, malah makin sakit. Bukan panjang umur, malah pendek usianya.



Setiap ciptaan Allah SWT ada fungsinya. Ada yang dicipta memang untuk dimakan. Anjing dan kucing bukan haiwan makanan. Kambing dan lembu, itulah yang banyak dagingnya. Kala manusia menolak norma, merasa dirinya pintar melebihi Tuhan, maka kala itulah mereka menempa kebinasaan.

Itu belum ditokok dengan kegilaan baharu. Menolak anak kecil untuk divaksinasi. Kelak ketika besar, anak itu mudah dijangkiti. Ketika sakit, si anak berpotensi menularkannya kepada anak lain. Gara-gara ibu bapa yang ego, anak menanggung risiko.

Demikian juga manusia ego menolak arahan. Dicegah bersalamatan, itu yang dilakukan. Dilarang berkumpul, itu yang diinginkan. Disuruh kuarantin, malah enak makan di restoran. Diminta memakai pelitup menutup hidung dan mulut, dipakainya di leher. Diarah menulis nama di buku, dicoretkan sebarangan. Disuruh duduk di rumah, malah ceria mengheret anak kecil ke pasaraya.

Senarai keegoan ini masih banyak untuk dicatatkan. Penyelesaiannya hanya satu. Keegoan manusia perlu dilunakkan. Baik rakyat mahu pun pemimpin. Keegoan hanya membawa padah. Ingatlah, sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang yang sombang, takbur dan membanggakan diri (an-Nisa': 36). Wallahu’lam. **Edisi**

# TAKUT ALLAH ATAU COVID-19?

Oleh: Halim Bin Mokhtar ([halim@kuis.edu.my](mailto:halim@kuis.edu.my))

Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

**S**e konyong-konyong marahlah seorang lelaki apabila dilarang untuk menunaikan solat berjemaah di masjid. Ke sana ke sini dilarang. Lantas ia bersuara "Kami hanya takutkan Allah bukan takut COVID-19. Kami takut Allah bukan takut makhluk Allah. Jangan tutup rumah Allah. Ada apa dengan COVID-19!!!"

Demikianlah kenyataan penuh emosi akibat keegoan dan kedangkan ilmu seorang manusia dalam membezakan takut kepada Allah dan takut kepada COVID-19.

Walaupun pernyataan tersebut betul dari aspek akidah, namun pendekatan yang diambil itu tidak menepati kehendak syariat secara sempurna yang turut mengambil kira aspek ibadah, akhlak dan sebagainya. Mentaati arahan pemimpin, mengikut peraturan dan mengelakkan diri dari memudaratkan orang lain juga sebahagian daripada syariat Islam. Kefahaman seperti di atas merupakan satu kefahaman yang sempit kerana melihat isu yang berlaku daripada sudut akidah semata-mata.

Hakikatnya mereka inilah yang tidak bertaqwa kepada Allah, kerana orang yang benar-benar takut kepada Allah dengan taqwa hakiki akan sentiasa mengikut petunjuk syarak. Larangan Allah agar tidak mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan telah dinyatakan sepertimana firman Allah:

*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan. (al Baqarah: 195)*

Persoalannya, apakah boleh memiliki perasaan takut kepada makhluk? Adakah syirik jika takut pada makhluk selain dari Allah? Adakah perlu takut pada virus ini melebihi dari kuasa Allah SWT?

Persoalan ini memerlukan rujukan kepada makna sebenar taqwa. Perintah bertaqwa kepada Allah sangat besar ertiinya. Namun pada masa kini kebanyakkan orang Islam menyamakan taqwa dengan perkataan 'takut' dan dengan itu membawa makna taqwa kepada tahap yang terhad dan sempit.

Kalimah takut Allah SWT tidak boleh disamakan dengan kalimah takut kepada penyakit atau makhluk. Sekalipun perkataan yang digunakan kelihatan serupa tetapi maksud dari sudut istilahnya berbeza. Takut kepada Allah membawa makna semakin menghampiriNya dengan penuh ketataan, manakala takut kepada makhluk membawa makna menjauhi dengan penuh berhati-hati.

Oleh itu secara nalar manusia akan berusaha menjauhi dan menghindarkan diri agar selamat dari ancaman dan malapetaka yang boleh ditimbulkan makhluk Allah SWT. Maka takut kepada Allah SWT dan takut kepada COVID-19 adalah suatu yang berbeza daripada pengertian takut kepada khaliq dan takut kepada makhluk.

Dalam konteks takut kepada penyakit dan makhluk ada beberapa kisah yang boleh dikongsi bersama bagi menggambarkan bahawa takut dengan makhluk adalah sangat penting bagi menghindarkan *maslahah* yang lebih besar seperti yang diajar oleh Rasulullah SAW dan Sahabat :

**Takut berjangkit.** Rasulullah SAW pernah mengajar kita agar lari daripada wabak penyakit. Menjauhi penyakit berjangkit seperti takut kepada singa. Hadis Nabi SAW yang bermaksud: "Larilah kamu dari orang yang terkena penyakit kusta seperti takutnya kamu ketika lari daripada singa" (HR al-Bukhari).

**Takut untuk memasuki tempat yang terkena wabak penyakit.** Hadis Nabi SAW yang bermaksud: "Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya." (HR Bukhari dan Muslim)

**Takut bersentuhan.** Baginda Nabi SAW didatangi lelaki dari kabilah Bani Thaqif yang mengidap penyakit kusta yang ingin berbaiah dengan Baginda. Namun Baginda menyuruh ia tidak perlu hadir berjumpa untuk mengelakkan penyakit dan mudarat. "Dalam delegasi Tsaqif (yang akan dibaiah Rasulullah SAW) terdapat seorang lelaki berpenyakit kusta. Lalu Rasulullah SAW mengutus seseorang bertemu dan lalu berkata, "Kami telah menerima baiah kamu. Kerana itu kamu boleh pulang." (HR Muslim)

**Takut bergaul.** Nabi SAW apabila berhadapan masalah penyakit berjangkit adalah dengan kaedah pencegahan dan tidak bergaul bagi memastikan yang sihat tidak dijangkiti. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud "Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat" (HR Bukhari dan Muslim)

**Takut melawat.** Dalam kontek wabak penyakit, bila Khalifah 'Umar al-Khattab RA membatalkan lawatan ke Syam kerana wabak taun, beliau ditanya oleh Abu 'Ubaidah RA: "Apakah kita lari dari ketentuan (qadar) Allah?" Umar menjawab: "Kita lari dari satu qadar Allah kepada qadar Allah yang lain".

Hakikatnya Allah SWT telah mengurniakan akal kepada manusia untuk berfikir, berusaha dan bertawakal. COVID-19 adalah makhluk ciptaan Allah SWT. Berpegang teguhlah dengan aqidah Ahli sunnah Wal Jamaah dan jauhilah fahaman Jabbariah yang hanya berserah diri kepada Allah SWT tanpa usaha. Tuntutan mengelakkan diri daripada dijangkiti wabak COVID-19 dengan sentiasa menjaga kebersihan dan mematuhi arahan pihak berkuasa merupakan usaha yang wajib dilakukan, Sesungguhnya setiap peristiwa yang Allah SWT datangkan pasti ada rahsia dan hikmah yang tersembunyi yang terkandung padanya seribu kebaikan.#kitajagakita. **Edisi**



# REMAJA DAN KESIHATAN MENTAL

Oleh: Ahmad Firdaus bin Muhammad ([firdaus@mais.gov.my](mailto:firdaus@mais.gov.my))  
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

**M**embina generasi yang unggul untuk masa hadapan negara adalah amat penting. Justeru kelompok remaja menjadi elemen terpenting dalam pencaturan untuk melahirkan generasi kepimpinan yang cemerlang. Dalam membincangkan soal membina remaja, aspek kesihatan mental amat penting. Menjalani gaya kehidupan serba moden dengan persekitaran yang jauh berbeza dengan generasi era 60an, 70an dan 80an. Bagi generasi Z dan Alfa yang lahir pada 90an, mereka lahir dengan dikelilingi kemajuan teknologi di hujung jari.

Keterbatasan aktiviti fizikal akibat perubahan corak hidup masyarakat kini yang cenderung dengan teknologi seperti komputer, permainan video game dan telefon pintar membuatkan golongan remaja khususnya kurang melakukan aktiviti di luar rumah. Melalui dapatan statistik yang dilakukan oleh Kajian Kesihatan dan Mordibiti Kebangsaan (NHMS) pada 2015, menunjukkan Malaysia telah menjadi negara Obesiti. Kajian ini mendapati seorang daripada dua orang dewasa mempunyai berat badan yang berlebihan.

Tapi apa yang lebih membimbangkan adalah, kajian ini juga mendapati kira-kira satu pertiga penduduk di Malaysia mengalami penyakit kemurungan. Peningkatan sebanyak 29.2 peratus atau 4.2 juta rakyat Malaysia berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental berbanding tahun 2006 yang hanya mencatat 11.2 peratus. Bagi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), jumlah mangsa yang mengalami penyakit kemurungan di serata dunia dianggarkan mencecah 300 juta orang dan rata-rata adalah remaja. Perkara ini adalah merupakan pembunuhan senyap pada generasi ini yang diharapkan sebagai pemimpin masa hadapan negara.

## PENYAKIT MENTAL DIKALANGAN REMAJA MALAYSIA Berusia 16 tahun



Sumber: Kajian Kesihatan dan Mordibiti Kebangsaan (NHMS)

Definisi kesihatan mental menurut WHO ialah **Kesihatan Mental** adalah keupayaan untuk mengira potensi diri, boleh menangani tekanan dalam kehidupan sehari-hari, dan boleh bekerja secara produktif untuk memberi manfaat kepada komuniti. Manakala **Penyakit Mental** pula adalah keadaan kesihatan yang mengubah cara berfikir, emosi dan amalan tingkah laku. Keceluaran mental berkait rapat dengan kesedihan dan amalan untuk berfungsi dalam sosial, kerja atau aktiviti kekeluargaan.

Berdasarkan statistik penyakit mental dikalangan kanak-kanak yang telah dibuat pada tahun 2013 mendapati 1 daripada 10 kanak-kanak dan remaja berumur 5 ke 16 tahun menghadapi penyakit mental yang boleh didiagnosikan, bersamaan dengan 3 orang kanak-kanak dalam 1 kelas. Sepanjang tempoh 10 tahun, bilangan ini telah meningkat kepada 68% dan secara keseluruhannya dianggarkan sebanyak 80,000 kanak-kanak dan remaja mengalami penyakit mental.

Oleh demikian, ibubapa berperanan penting bagi mengesan anak-anak mereka dengan memerhatikan gejala dan tanda awal yang boleh dilihat dengan mengejut atau perlahan-lahan mengikut masa. Menurut tulisan dalam laman Hellodoktor.Com oleh Nurul Nazrah memperincikan tanda atau gejala Penyakit Mental adalah seperti berikut :-

- Mengasingkan diri, sebagai contoh berhenti bersukan, gagal dalam pelajaran atau mempunyai masalah menjalankan tugasan harian.
- Hilang minat terhadap persekitaran.
- Mempunyai masalah memberi tumpuan, mengingati, berfikir secara logik atau menerangkan sesuatu.
- Berasa terpinggir.
- Hilang keyakinan diri.
- Rasa takut, gelisah atau curiga.
- Tingkah laku luar biasa dan pelik.
- Perubahan cara tidur dan selera makan yang mendadak atau tidak menjaga kebersihan diri.
- Perubahan mood yang selalu.
- Turun berat badan dan hilang selera.

Dalam Islam, asas pembinaan manusia adalah terdiri daripada 2 unsur iaitu Jasmani (fizikal) dan Rohani (spiritual). Penyakit mental ini boleh di tafsirkan sebagai penyakit rohani. Dalam dunia moden ia dikenali sebagai Penyakit Mental atau Psikiatri. Justeru ibubapa hendaklah berusaha bagi merawat anak-anak yang telah didiagnosis menghadapi penyakit ini.

Usaha mendapatkan kesembuhan daripada penyakit ialah saranan dalam Islam. Sekiranya manusia ditimpa penyakit, wajib baginya segera berusaha mendapatkan penawar. Hakikatnya, setiap penyakit datang daripada Allah SWT dan Dialah juga menyediakan penawarnya. Usamah ibnu Syarik RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Berubatlah kalian wahai hamba Allah, kerana Allah SWT tidak menciptakan penyakit kecuali diciptakan ubat bersamanya kecuali satu penyakit, iaitu tua". (HR Ibnu Majah). **Edisi**

# “VAKSIN HALAL”

Oleh: Hasal Bin Senin ([hasal@mais.gov.my](mailto:hasal@mais.gov.my))  
Pembantu Eksekutif Pembangunan Kompetensi, MAIS

**V**aksin dan imunisasi perlu dilihat dalam konteks rawatan kesihatan serta langkah pencegahan kepada penyakit kritikal, sekali gus tidak menyimpang daripada syariat Islam yang jelas mementingkan maslahat manusia di dunia dan akhirat. Dakwaan mengaitkan kandungan vaksin dengan bahan tidak halal dan meragukan, tidak sepatutnya terus diperbesarkan, kerana Islam menyediakan panduan langkah pencegahan penyakit yang bukan bersifat semberono, sebaliknya berdasarkan al-Quran dan sunnah.

Malah, keputusan dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan yang menjelaskan hukum harus bagi penggunaan vaksin perlu diterima kerana selari dengan kaedah pencegahan dianjurkan Islam. Ini kerana ia bukan hanya ditentukan pakar perubatan, sebaliknya menimbang tara pandangan pakar hukum syarak untuk menentukan sesuatu vaksin itu boleh digunakan atau sebaliknya. Hal itu tidak boleh dipandang ringan kerana terdapat kes kematian di negara ini yang dilaporkan akibat tidak melalui program vaksinasi hingga memudahkan tersebarnya penyakit berjangkit khususnya yang berbahaya.

Untuk makluman, syarak mengetengahkan konsep pencegahan penyakit sebagai langkah awal kesihatan dan kewajipan mendapatkan rawatan bagi mengekalkan kesejahteraan tubuh badan.

**Mafhum hadis:** *Apabila kalian mendengar wabak taun di suatu tempat, janganlah kalian pergi ke situ dan sekiranya ia merebak di kawasan kalian, janganlah keluar mlarikan diri.* (HR Bukhari & Muslim)

“Orang Arab Badwi pernah bertanya kepada Rasulullah SAW sama ada boleh atau tidak mereka berubat apabila ditimpa penyakit.

“Baginda menjawab: *Wahai hamba Allah sekalian, berubatlah! Sesungguhnya Allah tidak menjadikan sesuatu penyakit melainkan dijadikan bersamanya penawar* (HR Tirmizi), katanya.



Masyarakat keliru dalam hal membabitkan perbezaan pandangan fuqaha berkaitan hukum berubat atau menerima rawatan. Secara umumnya, sebahagian ulama menyatakan hukum harus, selain ada berpandangan afdal atau lebih utama berubat, manakala tidak kurang mengaitkan afdal tidak berubat dengan bertawakal kepada Allah SWT. Bagaimanapun, perbezaan pendapat dalam kalangan ulama itu, merujuk kepada keadaan penyakit biasa yang bukan kritikal atau berbahaya serta boleh sembuh sendiri. Bagaimanapun, dalam kes darurat dan kritikal seperti polio, tetanus serta *virus papiloma manusia* (HPV), semua fuqaha menegaskan hukum merawat sebagai wajib kerana menjaga keselamatan nyawa (*hifz al-nafs*) yang menjadi antara elemen maqasid (tujuan) syariah.

Sebarang pengenalan vaksin baharu khususnya di Malaysia, perlu mendapat kelulusan hukum pihak berkuasa agama seperti Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Dalam isu halal-haram membabitkan penggunaan vaksin, ia dilakukan dengan teliti seperti vaksin *meningococcal meningitis* untuk penyakit *meningitis*, iaitu keradangan selaput otak dan saraf tunjang.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 membincangkan suntikan pelalian vaksin itu. Muzakarah memutuskan hukum menggunakan pelalian *Meningococcal meningitis* mencevax yang diambil daripada sumber lembu adalah harus, manakala *meningococcal meningitis momumune* yang mengandungi unsur daripada babi diharamkan.

Kesimpulannya, kesedaran berkaitan kepentingan pelalian vaksin kepada golongan anti-vaksin perlu diperluaskan supaya dapat membuka minda golongan tersebut, sekali gus mengelakkan terdedah kepada pelbagai penyakit berjangkit yang kritikal.

Moga penulisan ini bermanfaat untuk bacaan umum. Wallahu a’lam. **Edisi**

# WABAK YANG MENGGEMPARKAN DUNIA

Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam ([hafizsalam@mais.gov.my](mailto:hafizsalam@mais.gov.my))  
Pengurus Penyelidikan, MAIS

**P**andemik atau wabak penyakit bukan perkara baharu dalam tamadun manusia. Dunia secara amnya kini berdepan dengan wabak yang sangat menggerunkan iaitu Pandemik COVID-19 yang juga dikenali sebagai Pandemik Koronavirus 2019 atau penyakit yang berkaitan sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan di pertengahan Disember 2019 di Bandaraya Wuhan, China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Pandemik secara definisinya adalah penyakit berjangkit yang merebak melalui seluruh populasi manusia yang merangkumi sesebuah benua malah boleh merebak seluruh dunia. Penularan pandemik COVID-19 yang semakin meruncing di Malaysia dan dunia amnya telah menimbulkan pelbagai keresahan dalam kalangan masyarakat dan kerajaan. Walaupun belum dapat dipastikan sejauh mana pandemik ini akan merebak dan kesannya terhadap ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat. Untuk artikel kali ini, saya akan membawa anda untuk melihat sekilas pandang wabak pandemik lain yang pernah menyerang dunia.

Perkara seakan sama juga pernah direkodkan dalam sejarah Islam. Menurut catatan sejarawan terkemuka iaitu Ibn al-Athir pada 1048H, wabak penyakit pernah melanda Makkah, Iraq, Palestin dan Sham. Seterusnya, Imam al-Zahabi juga dalam kitab Siyar A'lam al-Nubala' sekitar 1055H menyatakan penyebaran wabak penyakit telah menyebabkan masjid ditutup dan tidak dapat didirikan solat berjamaah didalamnya. Terdapat sejumlah pandemik yang pernah melanda umat manusia disebabkan penyakit berjangkit besar seperti cacar dan penyakit batuk kering, malah ada yang masih aktif sehingga hari ini iaitu pandemik HIV pada tahun 1980-an. Secara amnya, di antara jenis pandemik lain yang pernah tercatat di dalam sejarah dunia adalah seperti berikut:

## MAUT HITAM (BLACK DEATH)

Maut hitam turut dikenali sebagai wabak hitam merupakan antara pandemik maut yang paling dahsyat pernah berlaku dalam sejarah manusia. Ianya telah bermula di Asia Tengah dan telah merebak ke Eropah pada akhir tahun 1340M. Akibat daripada penularan wabak maut ini, seramai 60 juta nyawa telah dianggarkan meninggal dunia.

## INFLUENZA GLOBAL

Senario terburuk untuk pandemik semasa adalah influenza global tahun 1918-1919 yang telah membunuh 40 juta orang di seluruh dunia kurang 20 juta orang dari peristiwa (Black Dead). Influenza global telah menjangkiti seperti populasi dunia.

## H1N1

Wabak jenis baru Influenza A (H1N1) pada 2009 menimbulkan kebimbangan bahawa pandemik baru sedang berlaku.

Pada April 2009, aras amaran pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ditingkatkan daripada tahap tiga kepada lima sehingga diumumkan pada 11 Jun 2009 bahawa aras pandemik telah ditingkatkan kepada tahap tertinggi iaitu tahap enam. Ini merupakan pandemik pertama pada tahap ini sejak 1968. Dr Margaret Chan, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada ketika itu memberi kenyataan pada 11 Jun 2009 mengesahkan bahawa strain H1N1 merupakan pandemik, dengan hampir 30,000 kes disahkan seluruh dunia. WHO menyatakan pandemik H1N1 yang bermula di Mexico dan Amerika Syarikat pada Mac 2009 mengorbankan 18,500 orang.

## HIV

Umum mengetahui terma HIV yang membawa makna bagi singkatan 'Human Immunodeficiency Virus'. Virus ini akan menyerang badan seseorang dan menyebabkan penyakit sindrom kurang daya tahan melawan penyakit atau AIDS dan kesannya memusnahkan sistem ketahanan badan. Menurut portal UNAIDS, sejak kes pertama direkodkan 35 tahun lalu, terdapat 78 juta mangsa dijangkiti HIV dan 35 juta daripadanya meninggal dunia. Fakta sejarah pula mengatakan virus yang wujud sehingga kini itu berpunca daripada monyet di Afrika. Namun, setelah beberapa dekad berlalu, vaksin untuk menghapuskan virus berjangkit ini masih belum ditemui.

## EBOLA

Wabak ebola di Afrika pula telah berlaku pada tahun 2013-2016 yang telah menyebabkan kira-kira 11,300 kematian. Kesan ekonominya pula terdapat anggaran kerugian AS\$53 bilion keatas ekonomi dan sosial diatas berlakunya wabak ebola di Afrika Barat dan dalam masa yang sama mengakibatkan 20% penurunan KDNK Sierra Leone pada tahun 2015 manakala KDNK Liberia merosot 8% dari tahun 2013 hingga 2014. Wabak ini telah memberi kesan jangka masa panjang untuk baik pulih ekonomi di Afrika.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam mendepani wabak penyakit berjangkit seperti COVID-19 ini, majoriti penduduk dunia tiada langsung pengalaman untuk melaluiinya. Sebagai umat Islam yang beriman, tentunya bukan semata-mata yakin dan reda dengan ketentuan Allah SWT semata-mata, sebaliknya kita juga perlu berikhтир dengan mengambil langkah sewajarnya termasuk tidak keluar daripada daerah kediamannya seperti yang diarahkan oleh pemerintah. Walaubagaimanapun, tahtiah dan syabas diucapkan kepada rakyat Malaysia yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam membendung penularan wabak ini sehingga kita berjaya mengurangkan risiko penularan COVID-19 sehingga kini dengan kerajaan boleh melonggarkan sekatan keatas pelbagai sektor sebelum ini. **Edisi**

# Pengubatan Islam Kaedah Refleksologi Rotan

Disusun oleh: Bahagian Komunikasi Korporat MAIS

**P**erubatan Islam atau rawatan Islam merupakan salah satu inisiatif rawatan dalam masyarakat Melayu di negara Malaysia. Alternatif perubatan ini sering digunakan untuk merawat penyakit spiritual atau kehadiran jin dan syaitan di dalam badan seseorang.

Bila dilihat dari sudut pandangan ahli falsafah berhubung definisi perubatan Islam, banyak perbezaan dan kemesyikilan dalam hujahan mereka. Memetik kata Professor Omar Kasule yang menetapkan bahawa perubatan Islam ialah sebagai sistem perubatan yang mempunyai konsep, paradigma, nilai dan prosedur yang selari serta tidak bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah.

Perlu dipertegaskan juga bahawa pengubatan Islam merupakan suatu bentuk perawatan yang berdiri sendiri dengan asas-asas dan prinsip-prinsip tersendiri dan bukan sekadar pelengkap untuk jenis-jenis perubatan lain seperti perubatan alopati dan perubatan moden.

Dr. Jahid Sidek, merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Riqab atau pengamal perubatan yang terkenal dengan menggunakan kaedah refleksologi rotan. Proses rawatan menggunakan peralatan dan bahan seperti ranting pokok buah nona, biji lada hitam, limau nipis atau limau purut, pasir sungai atau lombong, cuka makan, cuka getah, air batu, bawang besar dan air mineral. Selain itu, beliau melakukan solat taubat dan hajat serta melakukan tawassul (mendekatkan diri dengan Allah SWT dan beribadah).

Rawatan ini boleh digunakan dalam merawat pesakit yang terlibat dengan perkara seperti:

1. Pernah berubat dengan pawang atau bomoh
2. Pernah terbabit amalan salah atau sesat seperti ilmu kebal
3. Datuk atau nenek terbabit dengan ilmu salah
4. Pesakit menyimpan barang yang dianggap sebilangan masyarakat mempunyai kelebihan seperti kayu kokka, al-Quran kecil, cebisan kelambu Kaabah, keris, pedang atau tombak
5. Pernah memagar rumah menggunakan pawang atau bomoh
6. Menyimpan barang warisan
7. Pernah kemalangan atau tergelincir

Justeru itu, kombinasi pukulan ranting pokok buah nona, zikrullah dan doa dapat menghasilkan satu kadar tenaga yang sangat kuat kerana ia menggabungkan antara syariat dan hakikat. Kaedah ini sangat berkesan dalam merawat pesakit *migraine*, pelbagai jenis sakit jantung, alzheimer, strok, barah, buasir dan sakit buah pinggang. Rawatan Islam mempunyai kebaikan yang tersendiri untuk penyakit yang tertentu kerana ia tidak bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah. **Edisi**



Gambar Hiasan

## Komen kes WSWH lwn RK

# Permohonan Cerai Fasakh

Penulis: Siti Zurinah Binti Zainal Abidin ([zurinah@mais.gov.my](mailto:zurinah@mais.gov.my))  
Pengurus Kesetiausaha, MAIS

**F**asakh merupakan satu cara dan kaedah pembubaran perkahwinan bagi pasangan suami isteri demi melepaskan diri masing-masing daripada ikatan rumah tangga yang tidak lagi sesuai akibat timbul beberapa sebab yang mengharuskannya melalui perintah dari mahkamah atau kadi. Antara sebabnya seperti suami tidak memberi nafkah zahir, suami lazim menyakiti isteri sehingga menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan anjaya dan sebagainya.

Dalam konteks undang-undang, semua perbuatan yang boleh menimbulkan kemudarat kepada rumah tangga terutamanya isteri sebagai mangsa akan membawa maksud *dharar*.

Seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan *dharar syarie* ialah bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui hukum syarak.

Perbuatan suami memukul, mengabaikan nafkah atau tidak memberi nafkah langsung, melayan isteri dengan buruk, malah melacurkan isteri adalah antara contoh *dharar syarie*.

Hak untuk memohon fasakh terpakai kepada kedua-dua suami dan isteri. Namun secara amalannya, hak fasakh diberikan kepada isteri memandangkan suami mempunyai hak untuk melafazkan talak.

Fasakh dan talak adalah berbeza. Terutamanya kesan pembubaran itu di mana fasakh tidak terhad kepada bilangan tertentu, berbanding dengan talak yang terhad kepada dua (*talak raj'i*). Dengan kata lain suami isteri yang terbubar perkahwinannya melalui fasakh boleh kembali kepada isteri dan suami yang sama untuk sekian kalinya dengan membuat akad dan mas kahwin yang baru.

Oleh itu, fasakh perkahwinan disyariatkan adalah bertujuan untuk membendung mudarat (atau *dharar*) yang menimpa atas diri isteri. Sekiranya suasana rumah tangga sesuatu pasangan suami isteri itu bukan lagi merupakan tempat untuk bersenang hati dalam situasi kehidupan yang penuh mesra, sudah pasti perasaan kasih sayang dan belas kasihan antara suami isteri tidak akan menjelma.

### RINGKASAN KES

Kes ini adalah tuntutan cerai fasakh yang difaiklan oleh Plaintiff (isteri) pada 1 Jun 2015.

Plaintiff dan Defendant telah bernikah pada 15 Julai 1990 di K Kg. Melayu Subang, Selangor. Hasil perkahwinan tersebut, pihak-pihak dikurniakan dengan dua orang anak.

Plaintiff telah memfailkan tuntutan cerai fasakh berdasarkan alasan-alasan berikut:

- Defendant telah gagal atau cuai memberi nafkah kepada Plaintiff selama tempoh melebihi 3 bulan;
- Defendant melupuskan harta Plaintiff; dan
- Defendant lazim menyakiti serta menjadikan kehidupan Plaintiff menderita.

### UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 - s. 3, 11, 49, 72, 73, 75 dan 85.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 - s. 61 (3) (b) (i).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 - s. 4, 45 dan 53 (1) (b), 53 (1) (h) (i) dan 53 (h) (iv).

### SURAH YANG DIRUJUK

- Surah An-Nisa' ayat 34.

### KITAB YANG DIRUJUK

- Nizam al-Qadha' Fi al-Syariah al-Islamiyyah karangan Dr. Abdul Karim Zaidan (terjemahan Hj. Mohd Saleh Hj Amad).
- Fiqh dan Perundungan Islam karangan Dr. Wahbah al-Zuhaili (terjemahan Dr. Ahmad Shahbari Salamon).

### KEPUTUSAN

Mahkamah memerintahkan seperti berikut:

- Mahkamah meluluskan tuntutan fasakh berdasarkan seksyen 53 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Mahkamah mensabitkan Defendant telah lazim menyakiti atau menjadikan kehidupan Plaintiff (isteri) menderita disebabkan kelakuan anjaya.
- Mahkamah memerintahkan pernikahan Plaintiff dan Defendant dibubarkan dan difasakhkan mulai 28 Disember 2017 jam 3.45 petang. Plaintiff hendaklah beriddah selama tempoh tiga ki suci mulai hari ini.
- Mahkamah perintahkan perceraian ini didaftarkan di Pejabat Agama Islam Gombak dan sijil nikah Asal pihak-pihak dibatalkan.

Disediakan oleh:  
Sumber:

Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS  
Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS

## PERSATUAN AMAL KEMANUSIAAN MALAYSIA (ARIF)



Persatuan Amal Kemanusiaan Malaysia (ARIF) merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Persatuan Amal Kemanusiaan Malaysia bertempat di No. 30, Jalan USJ 3C/7, 47620 Subang Jaya, Selangor. Persatuan Amal Kemanusiaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 2015 dan 2016 diterima menganggotai PIBK MAIS.

### Objektif penubuhan ARIF adalah:

1. Melaksanakan kerja-kerja amal dan kebajikan kepada individu atau kelompok individu yang memerlukan.
2. Pengagihan barang-barang sumbangan dan zakat ke kawasan miskin bandar dan pendalam.
3. Memberi bantuan kemanusiaan ketika berlaku bencana alam.
4. Memberi bantuan ketika berlaku kecemasan.



## PERSATUAN SUKARELAWAN ISLAM HOSPITAL SELANGOR (SAHABAT HOSPITAL SELANGOR)



Persatuan Sukarelawan Islam Hospital Selangor (Sahabat Hospital Selangor) merupakan sebuah PIBK yang telah berdaftar di bawah MAIS. Persatuan Sukarelawan Islam Hospital Selangor bertempat di Baitul Naim, Lot 27831, 41200 Klang, Selangor. Persatuan Sukarelawan Islam Hospital Selangor ditubuhkan pada tahun 1988 dan 2016 diterima menganggotai PIBK MAIS.

### Objektif Persatuan Sukarelawan Islam Hospital Selangor adalah:

1. Membantu dan memberi sokongan untuk memenuhi keperluan sosial, kebajikan, emosi dan kerohanian pesakit semasa mereka menjalani program rawatan dan pemuliharaan di hospital.
2. Membantu pesakit menyelami dan berkongsi penderitaan yang dialami di samping menenangkan jiwa mereka dan mendoakan agar disembuhkan dari segala penyakit.
3. Menggalakkan suasana kasih sayang dan tolol-menolong dalam masyarakat selaras dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan "Masyarakat Penyayang".
4. Menggalakkan kerjasama di antara kakitangan hospital dan masyarakat untuk kebajikan pesakit. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi Cik Amirah Addilah binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Khidmat Pengurusan Sosial, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada **jpngoi@mais.com**

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



## MAIS Teruskan Aktiviti Ceramah Pengurusan Harta Umat Islam

**SABAK BERNAM Jun 2020** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Baitulmal meneruskan aktiviti ceramah perancangan dan pembahagian harta orang Islam yang meliputi pengurusan wasiat, hibah dan harta pusaka kepada guru-guru di Sekolah Kebangsaan Batu 38.

Aktiviti ceramah ini juga memberi peluang kepada tetamu yang hadir untuk mengutarkan soalan berkaitan pengurusan harta pusaka dan soal jawab agama. Sesi ceramah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Salleh bin Abdul Saha, Penolong Pengurus Harta Baitulmal MAIS. [Edisi](#)



## Prihatin Kejadian Musibah Di Sekolah Menengah Agama Sungai Merab, MAIS Serah Sumbangan

**SEPANG Julai 2020** - Prihatin terhadap kejadian musibah yang berlaku ke atas Sekolah Menengah Agama Sungai Merab, Luar Kajang akibat ribut dan angin kencang, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) hari ini, menziarahi dan menyampaikan bantuan musibah.

Bantuan musibah ini bertujuan meringankan sedikit beban pihak pengurusan sekolah khususnya apabila berlaku sesuatu bencana. Bantuan disampaikan oleh Dr. Haji Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS.

Setiausaha MAIS juga turut membuat tinjauan dan lawatan keadaan semasa sekolah terbabit, dan mengucapkan salam takziah kepada pihak pengurusan sekolah.

Pada 6 Julai lalu, beberapa kawasan Kampung Sungai Merab Luar, Kajang rosak akibat dilanda ribut dan angin kencang. Angin ribut turut merosakkan bumbung sekolah antaranya adalah Sekolah Menengah Agama Sungai Merab, Luar Kajang. [Edisi](#)

## MAIS Anjur Seminar Pasca COVID-19 Atur Strategi Membangun Ummah

**SHAH ALAM Ogos 2020** - Telah berlangsung Seminar Pasca COVID-19: Implikasi, Prioriti dan Strategi anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang melibatkan pengurusan tertinggi MAIS, pengurusan tertinggi Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS di sini hari ini.

Seminar setengah hari ini dirasmikan oleh Dr. Hj Ahmad Shahir Makhtar, Setiausaha MAIS. Antara lain dalam ucapannya beliau mengingatkan agar semua pihak memberikan sepenuh tanggungjawab dalam membantu dan membangunkan ummah walau dalam susana norma baharu.

Seminar yang dihadiri 60 orang peserta ini menjadi medan informasi terkini dalam menyusun keutamaan dan strategi baru dalam memastikan ummah sentiasa terbaik. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



## Program Kami Prihatin Akan Anda (PRIHATIN)

**Julai 2020** - Program Kami Prihatin Akan Anda (PRIHATIN) telah dilaksanakan sepanjang Julai di beberapa Kampung Orang Asli bersama NGO dan Penggerak Masyarakat Orang Asli Daerah Gombak. Dengan konsep "bantuan barang kering" sebagai tanda prihatin kami terhadap Masyarakat Orang Asli khususnya di Daerah Gombak.

Program yang dianjurkan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dengan kerjasama MyCARE, NAMA FOUNDATION dan individu perseorangan ini telah melibatkan tiga buah Kampung Orang Asli iaitu Kampung Orang Asli Ulu Batu, Sungai Relang dan Batu 12, Gombak. [Edisi](#)

## Majlis Apresiasi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) Tahun 2019

**SHAH ALAM Julai 2020** - Seramai 473 orang pegawai telah diraikan yang terdiri daripada 202 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), 43 orang penerima Anugerah Jasamu Dikenang (AJDK) bagi Kategori Pesara dan 28 orang penerima Anugerah Jasamu Dikenang (AJDK) bagi Kategori Berkhidmat Lebih 25 Tahun.

Mereka yang terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan pegawai yang cemerlang dalam tugas, bergiat aktif dalam penglibatan dan memberikan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan dan sebagainya, yang mengharumkan nama JAIS, Kerajaan Negeri dan agama Islam. [Edisi](#)



## Ziarah Mahabbah Dan Misi Bantuan Tabung Musaadah COVID-19 JAKIM Anjuran Bersama JAIS

**Ogos 2020** - Ziarah mahabbah dan Misi Bantuan Tabung Musaadah COVID-19 JAKIM anjuran bersama JAIS diteruskan ke perkampungan Orang Asli Sg Dua Pulau Ketam, Klang. Team Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor bersama Ustaz Che Mohd Azuan Bin Che Lah turut sama menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai dari JAKIM dan sumbangan barang dari JAIS kepada semua 19 Ketua Isi Rumah di sana.

Team seterusnya melawat kawasan tapak surau yang sedang didalam proses pembinaan yang dibina sendiri oleh penduduk kampung yang diketuai oleh En Kamarul dengan sumbangan yang diberikan oleh pihak NGO Yayasan Khalifah dan orang ramai. Team mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk kampung dan En Kamarul khususnya kerana telah menyambut kehadiran kami. [Edisi](#)



## Program Prihatin COVID-19 B40 "Lautan Kasih"

**SABAK BERNAM Ogos 2020** - PAID Sabak Bernam melalui Unit Dakwah, dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan Sungai

Besar telah mengadakan program tersebut dengan tujuan untuk membina hubungan yang lebih dekat dengan masyarakat setempat, selain berkongsi isu dan permasalahan yang dihadapi mereka, yang mana majoriti adalah di kalangan nelayan dan nelayan yang telah bersara.

Program yang diadakan di 2 buah perkampungan nelayan ini iaitu Kampung Nelayan Sungai Besar dan Kampung Nelayan Sungai Haji Dorani dibuat dalam bentuk ziarah ke rumah-rumah penduduk yang terpilih di kalangan Asnaf, ibu tunggal, anak yatim dan warga emas yang menghidap penyakit kronik.

Penduduk menyambut baik dan menyatakan kesyukuran atas keprihatinan PAID Sabak Bernam yang turun padang bertanya khabar dan berkongsi nasihat, selain menjelaskan perkhidmatan yang disediakan oleh PAID untuk masyarakat. [Edisi](#)

Sumber : Lembaga Zakat Selangor



## LZS Institusi Zakat Pertama Di Malaysia Lancar e-Agreement

**SHAH ALAM Julai 2020** – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjadi institusi zakat pertama di Malaysia yang mengendalikan proses dokumentasi perjanjian secara atas talian dengan melancarkan sistem e-Agreement LZS dalam satu majlis yang diadakan di sini hari ini.

Ia bagi menggantikan kaedah manual yang dipraktikkan dalam penyediaan dokumen perjanjian di LZS, dengan tempoh masa dapat dikurangkan kepada tiga hari bekerja berbanding sebelum ini.

Melalui penggunaan sistem ini, proses penyediaan surat pelantikan dan perjanjian boleh dilaksanakan dalam satu platform elektronik yang merangkumi keseluruhan rangka proses yang diperlukan iaitu pendigitalan dokumen perjanjian, tandatangan secara digital dan juga penyeteman dokumen perjanjian.

Ia bagi membudayakan transformasi digital dalam pengurusan kerja dengan penggunaan teknologi seiring dengan perkembangan revolusi industri 4.0. LZS sedang meneruskan


Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



## Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



langkah untuk memperkenalkan beberapa lagi inisiatif digitalisasi bagi mempermudahkan urusan masyarakat awam dengan LZS. [Edisi](#)



## Lawatan Kerja JAKESS Ke JKSNPP Dan JKSPK

**September 2020** - Satu lawatan kerja ke Jabatan Kehakiman Syariah Perak Daerah Taiping (bangunan baharu) diketuai oleh YAA Dato' Mohammad Adib bin Husain, Ketua Hakim Syarie Selangor bersama beberapa pegawai telah diadakan.

Lawatan kerja tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan perkongsian berhubung pewujudan dan pelaksanaan Mahkamah Utama Syariah di Negeri Perak serta program-program inovasi yang dihasilkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Perak. Di samping itu, lawatan kerja tersebut juga bertujuan untuk melihat idea seni bina dan kemudahan di bangunan baharu Mahkamah Rendah Syariah Taiping.

Terdahulu pada 1 September 2020, lawatan kerja telah diadakan di Mahkamah Rendah Syariah Seberang Prai Tengah (MRSSPT) diketuai oleh YA Tuan Zulfikri Yasoa', Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah diiringi beberapa orang pegawai. Tujuan lawatan kerja tersebut diadakan juga adalah bagi mendapatkan maklumat dan melihat bangunan baharu MRSSPT yang diserahkan pada 15.07.2020 untuk dijadikan sebagai panduan bagi masa akan datang. [Edisi](#)

## YIDE Anjur Bengkel Pemantapan Manual Prosedur Kerja (SOP)

**Julai 2020** - Dalam usaha penambahbaikan pentadbiran dan operasi Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), satu bengkel khas telah diadakan pada 25 sehingga 26 Julai 2020 bertempat di Pusat Konvensyen Movenpick Tabung Haji, Sepang.

Bengkel Pemantapan Manual Prosedur Kerja (SOP) antara lain bertujuan untuk menambah baik pengurusan pentadbiran dan operasi bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada golongan sasaran terutama mangsa bencana, anak yatim dan pesakit dialisis mengikut prosedur. [Edisi](#)



# SIRI BELAJAR JAWI

## (SIRI KEDUA PULUH DUA)

اولیه : نورانیتا بنت عبد الرحمن  
منشی دیوان (جاوی)

# KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU.

## PADANAN HURUF “K” PADA HURUF JAWI.

Dalam penulisan kata bahasa melayu jati, huruf “k” mempunyai dua padanan huruf iaitu:

Pertama, huruf “k” dipadankan dengan huruf kaf ( ﺁ ). Ini berlaku pada huruf “k” yang ditulis pada **awal suku kata**, sama ada suku kata terbuka atau suku kata tertutup.

Contoh huruf “k” ditulis pada awal suku kata terbuka menggunakan padanan huruf kaf ( ﺁ ):

awal suku kata terbuka	Kali	kasih	keli	kira	kulit	kotor
	كالي	كاسيه	كلي	كيرا	كوليت	كوتور
suku kata kedua (terbuka)	teka	rangka	suka	luka	nangka	bingka
	تکا	راغك	سوک	لوك	نڭك	بېغۇك

Contoh huruf “k” ditulis pada awal suku kata kedua menggunakan padanan huruf kaf ( ﺁ ) :

awal suku kata tertutup	kinta	kuntum	kantin	kumbang	kismis	kendung
	كينتا	كونتوم	كتنين	كومبغ	كيسميس	كيندوڠ
suku kata kedua (tertutup)	makin	lakon	sakit	bukit	lukis	rakit
	ماكين	لاكون	ساكيت	بوكيت	لوكيس	راكيت

Kesimpulannya setiap perkataan yang menggunakan huruf “k” pada awal suku kata samada suku kata terbuka atau suku kata tertutup hendaklah menggunakan padanan huruf kaf ( ﺁ ).


# TEKA SILANG KATA JAWI (SIRI 3)

Disediakan Oleh:

*Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid*

*(hamizul@zakatselangor.com.my)*

*Pengurus Sekretariat Dakwah dan juga Dai Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*



#### Arahan:

1. Sila isikan huruf jawi yang sesuai di dalam petak berwarna putih sahaja.
2. Nombor 1 hingga 5 adalah untuk teka silangkata melintang (kanan ke kiri).
3. Huruf A hingga E adalah untuk teka silangkata menegak (atas ke bawah).
4. Huruf ( ۋ ) hendaklah dieja berasingan antara ( ۈ ) dan ( ى ).

#### Melintang Dari Kanan ke Kiri (1-5):

1. Malaysia \_\_\_\_\_ pada 31 Ogos 1957.
2. Mukmin yang baik amat menjaga \_\_\_\_\_ dari menyakiti hati dan perasaan orang lain.
3. Islam mewajibkan \_\_\_\_\_ lima waktu sehari semalam.
4. Shah Alam adalah \_\_\_\_\_ bagi Selangor.
5. Lembaga \_\_\_\_\_ Selangor mempunyai singkatan nama, iaitu LZS.

#### Menegak Dari Atas ke Bawah (A-E):

- A. Solat dhuha dianggap penting kerana ia melancarkan \_\_\_\_\_
- B. Wabak COVID-19 ini sangat merbahaya dan mereka yang melanggar SOP boleh di \_\_\_\_\_.
- C. \_\_\_\_\_ yang soleh akan membawa anak dan isterinya kepada keredaan Allah.
- D. Syurga dan \_\_\_\_\_ disediakan oleh Allah SWT di akhirat nanti.
- E. Pada hari raya kita disunatkan melaungkan \_\_\_\_\_.

**Edisi**

# “Jangan Panggil Kami LGBT, Panggillah Kami Komuniti Yang Disayangi”

Oleh: **Shahrul Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)**  
**Eksekutif Perhubungan Awam MAIS**

**J**angan panggil kami LGBT, panggillah kami komuniti yang disayangi,” itulah luahan salah seorang asnaf riqab MAIS yang nekad meninggalkan dunia lorong gelap, kini kembali ke pangkal jalan selepas lebih 20 tahun terjebak.

Mungkin ramai yang memandang serong dan mencemuh kehadiran komuniti yang disayangi ini, namun kewujudan mereka di tengah-tengah masyarakat sebenarnya seakan-akan telah diterima. Namun, tidak ramai menyelami kehidupan sebenar golongan komuniti yang disayangi ini, lebih-lebih lagi yang mengambil berat tentang dilema hidup mereka.

Baru-baru ini, penulis berpeluang mendekati seorang asnaf di bawah Bahagian Pemulihan Al-Riqab MAIS yang dahulunya adalah mak nyah, Fitri Kamal (bukan nama sebenar), 45 atau pernah selesa dipanggil ‘kak Fifi’.

Bertemu dengannya, suaranya sopan dan lembut, berambut pendek serta berpakaian baju melayu, memberi pandangan dalam hati penulis, tiada langsung ciri-ciri wanita yang ada padanya. Jika dahulu, Fitri Kamal akan memakai pakaian wanita, berambut panjang dengan solekan yang cantik, ibarat persis artis Korea (K-Pop).

Namun atas izinnya, Fitri Kamal kini memilih untuk kembali ke pangkal jalan, mendekatkan diri dengan Allah SWT dan melupakan zaman gelapnya.

Mengimbau detik-detik awal dirinya sebelum ini, Fitri Kamal memberitahu naluri kewanitaan yang ada pada dirinya bermula sewaktu alam remaja. Sebagai anak keenam dari tujuh adik beradik, Fitri Kamal juga sangat rapat dengan ahli keluarganya.



Sebahagian Kelas Pengajian Agama anjuran MAIS

“Saya dilahirkan di Ipoh, Perak dan dibesarkan di Johor Bahru, kemudian saya telah berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1982. Penghijrahan ke Kuala Lumpur ketika itu adalah mencari kawan komuniti seperti saya, merupakan titik permulaan saya dalam dunia yang gelap.

Ramai kawan komuniti seperti saya nak berkawan dengan saya, menyebabkan saya hanyut dalam dunia gelap ketika itu. Kalau boleh biarlah, saya tidak mahu imbas kembali lagi, biarlah antara

Penulis sedang menemubual asnaf riqab, Fitri Kamal (bukan nama sebenar)



saya dengan tuhan,” ujarnya lembut dan sopan.

Ketika ditanya, punca dia berubah, Fitri Kamal berkata, kesedaran untuk kembali ke pangkal jalan kerana kuasa Allah SWT ketika itu pada tahun 2011.

“Saya tidak dapat nak jawab mengapa saya berubah. Apa yang saya boleh cakap, Allah SWT yang gerakkan hati saya untuk berubah. Biarlah rahsia saya dengan Allah SWT,” katanya.

## DILANTIK SUKARELAWAN MAIS

Fitri Kamal terlibat dalam beberapa aktiviti di bawah program pemulihan Al-Riqab MAIS sehingga dilantik menjadi salah seorang sukarelawan MAIS bagi menguruskan penempatan kelas pengajian agama kepada peserta LGBT atau komuniti yang disayangi yang ingin berubah ke pangkal jalan. Saya nak ucapan terima kasih kepada MAIS yang selama ini, banyak membantu saya untuk berubah. Mereka mengajar saya membaca Al-Quran, belajar pengajian agama dan belajar berkaitan solat agar kita dapat berubah kepada lebih baik dan sempurna.

“MAIS juga memberi bimbingan dan bantuan kepada saya dan komuniti saya melalui proses pemulihan dan bimbingan dalam program yang dijalankan oleh Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) dan pihak yang berdaftar di bawah MAIS. Tanpa bantuan agensi agama seperti MAIS, JAKIM, JAWI, dan agensi yang berkaitan, sudah pasti kami sukar untuk berubah,” katanya yang amat berterima kasih kepada agensi berkenaan yang memberi sinar baharu kepada golongan komuniti yang disayangi seperti kami. Golongan seperti kami boleh berubah jika mendapat sokongan daripada pelbagai pihak,” ujarnya lagi.

## BANTU ‘RAKAN’ KEMBALI KE PANGKAL JALAN

Mengulas lanjut perkembangan terkini kehidupan Fitri Kamal, beliau bergerak atas nama salah satu Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) yang berdaftar di bawah MAIS. Pertubuhan tersebut ditubuhkan atas inisiatif ahli Kelas Iqra’ dan Kelas Fardu Ain yang dianjurkan oleh MAIS bagi membantu golongan LGBT untuk kembali kepada fitrah yang asal.

“Pertubuhan ini diwujudkan bagi membantu golongan seperti homoseksual, biseksual dan Mak Nyah, yang mahu mencari jalan keluar atau nekad meninggalkan dunia gelap mereka.

“Alhamdulillah, sehingga kini seramai 160 orang ahli komuniti LGBT yang ingin berubah, sebelum ini hanya 20 orang sahaja.

“Bukan mudah untuk mengajak komuniti seperti saya, mendalam ilmu agama atau yang betul-betul nak berubah, mereka semua perlukan perhatian dan sokongan pelbagai pihak, “katanya mengakhiri perbualan. **Edisi**

# SOAL JAWAB

# HARTA PUSAKA

Disediakan oleh: *Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS*  
 Sumber: *Sektor Baitulmal, MAIS*

## Apakah perkara yang isteri perlu tahu apabila suami meninggal dunia ustaz?

- 1 Jika suami meninggal dunia dan meninggalkan harta tanpa membuat wasiat atau tanpa menghibahkan hartanya semasa hidup, maka semua harta-harta yang halal yang ditinggalkan adalah merupakan harta pusaka yang akan diwarisi oleh isteri dan waris-waris lain mengikut hukum faraid.
- 2 Jika suami meninggal dunia meninggalkan anak lelaki, anak perempuan, ibu dan bapa, maka mereka juga adalah waris-waris yang berhak mewarisi harta pusaka arwah suami selain daripada isteri.
- 3 Jika suami meninggal dunia meninggalkan isteri, anak perempuan, bapa dan adik-beradik, maka waris yang berhak ke atas harta pusaka arwah suami adalah isteri, anak perempuan dan bapa sahaja. Adik-beradik arwah suami tidak berhak.
- 4 Jika suami meninggal dunia meninggalkan isteri, anak perempuan dan adik beradik, maka semua itu adalah merupakan waris-waris yang layak mewarisi harta pusaka arwah suami.
- 5 Jika suami meninggal dunia meninggalkan isteri, anak perempuan berumur 8 tahun dan anak lelaki berumur 2 hari, maka adik-beradik arwah suami tidak berhak ke atas harta pusaka arwah suami walaupun anak lelaki tersebut baru berumur 2 hari.
- 6 Jika suami meninggal dunia dan 2 hari sebelum itu telah menceraikan isterinya dengan perceraian secara talaq 1, maka isteri tersebut masih lagi berhak ke atas harta pusaka arwah suaminya.
- 7 Jika suami meninggal dunia sebaik sahaja selepas akad nikah dengan isterinya, isterinya tetap berhak ke atas harta pusaka arwah suaminya.
- 8 Jika suami sebelum meninggal dunia menyatakan mengharamkan harta-hartanya diwarisi oleh isteri dan kemudiannya meninggal dunia, isteri tersebut tetap berhak mewarisi harta pusaka arwah suaminya.
- 9 Jika suami meninggal dunia meninggalkan harta yang berkongsi bahagian dengan isteri, bahagian yang dimiliki oleh arwah suami merupakan harta pusaka yang perlu dibahagikan kepada waris-waris termasuk isteri mengikut hukum faraid.
- 10 Jika suami meninggal dunia meninggalkan isteri sebagai penama kepada simpanan KWSP, Tabung Haji, Takaful atau seumpamanya, maka isteri hendaklah bertindak sebagai pentadbir untuk membahagikan wang-wang tersebut kepada dirinya dan waris-waris lain yang berhak mengikut hukum faraid.
- 11 Jika suami meninggal dunia namun harta yang ditinggalkan merupakan harta yang dipinjam, harta yang diamanahkan, harta yang telah diwakafkan, harta yang telah dihibahkan atau harta yang telah dijual, harta-harta tersebut bukan merupakan harta pusaka yang layak diwarisi oleh isteri.
- 12 Harta pusaka arwah suami yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan dengan isteri boleh dituntut oleh isteri sebagai harta sepencarian melalui Mahkamah Syariah.

Untuk lebih memahami berkaitan urusan pembahagian harta pusaka ini bolehlah rujuk terus ke Majlis Agama Islam Selangor, layari [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my). **Edisi**



# Transformasi Iman

## HADIS 40 IMAM NAWAWI


Penulis : Mohd Nadzmi Jaafar  
 Penerbit : PSN Publications  
 Tahun Terbitan : 2012  
 Halaman : 118  
 Harga : RM 12

Oleh: *Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)*  
*Pengurus Penyelidikan, MAIS*

**S**etalah membaca buku ini, saya berikan 5 bintang (*fullmark*) bagi persembahan dan susun atur kandungannya. Buku hadis yang ringkas, padat dan disertakan sedikit syarah ringkas bagi pembaca mudah untuk memahami hadis yang disampaikan dan sangat sesuai untuk semua golongan pembaca. Hadis ini disusun oleh Imam Nawawi iaitu seorang seorang tokoh imam mazhab al-Syafi'i yang terkemuka, dimana beliau telah meriwayatkan kitab-kitab hadis yang muktabar dengan sanad yang tinggi kepada para imam yang menulis kitab-kitab tersebut serta seorang yang hafiz dalam hadis Rasulullah S.A.W.

Buku ini juga dipanggil sebagai Hadis Arba'in. Nama ini sudah tidak asing lagi di telinga kita. Sebanyak 42 hadis yang telah dikumpulkan oleh Imam Nawawi. Isinya adalah hadis-hadis nabi yang ucapannya ringkas, tetapi maknanya mengandungi makna yang luas. Imam Nawawi memberikan judul kumpulan hadis ini dengan al-Arba'in. Ia menjadi popular sehingga kini kerana kandungannya banyak memberi manfaat dan ramai orang telah menghafalnya. Sebagai umat Islam, bagi saya kita perlu memiliki dan memahami setiap hadis yang dipersembahkan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim yang sejati. Kandungan hadis yang dimuatkannya juga meliputi semua isu kehidupan termasuk akidah, kejadian manusia, bid'ah, halal dan haram, cara hidup muslim, kehormatan, persaudaraan dan banyak lagi.

Selain masyarakat biasa, buku ini juga turut mendapat sambutan yang luar biasa daripada para ulama kerana mereka menghafalnya dan mengguna pakai hadis ini bagi menjelaskan ruang lingkup agama. Mengapa Hadis Arba'in relevan sepanjang masa? Ini dapat di lihat melalui kepelbagaian terbitan dari penerbit-penerbit dari seluruh



dunia telah mencetak dalam pelbagai bahasa, gaya dan versi cetakan.

**Ini kerana setiap hadis yang dimasukkan kedalam buku ini adalah asas utama dalam agama Islam.**

1

**Semua hadis adalah hadis saih yang sebahagian besar terdapat dalam kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim dan yang terakhir kerana setiap hadis dimuatkan dalam bab tersendiri supaya dapat memperjelaskan makna hadis yang masih samar.**

2

Untuk anda, saya sangat menyarankan agar setiap keluarga memiliki buku hadis ini dan sesuai untuk dijadikan bahan bacaan untuk keluarga yang dibaca selesai solat berjemaah. Keluarga bakal mendapat natijah yang baik hasil perkongsian ilmu melalui buku ini dirumah. Ilmu dan iman perlu sentiasa disemai agar dakwah Islam sentiasa mekar di bumi Malaysia yang kita cintai ini. **Edisi**

# IMAM NAWAWI

Oleh : Mohd Hafiz bin Abdul Salam ([hafizsalam@mais.gov.my](mailto:hafizsalam@mais.gov.my))

Pengurus Penyelidikan, MAIS

Rujukan : Kitab At-Tibyan fi Adab Hamalat al-Quran


Nama sebenar Imam Nawawi adalah Abu Zakariya bin Syaraf Bin Mari bin Hasan Bin Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin Hizam An-Nawawi Ad-Dimasyqi. Beliau dilahirkan di Nawa yang termasuk wilayah Hauran pada tahun 631H. Ramai yang melihat kecerdikan dan kecerdasan Imam Nawawi dari kecil dan ayahnya telah menghantar Imam Nawawi menghafal al-Quran dan belajar pelbagai disiplin ilmu. Maka beliau telah menghafaz al-Quran dan belajar dengan orang terkemuka. Beliau juga berkorban untuk meninggalkan masa bermain demi menekuni al-Quran dan menghafaznya. Demikianlah aktiviti hariannya sehingga beliau menghafaz al-Quran pada umur hampir baligh. Pada umur beliau 9 tahun ayahnya membawanya ke Damsiq untuk menuntut ilmu dengan lebih mendalam lagi di Madrasah Ar-Rawahiyyah pada tahun 649H. Di sana, beliau menghafal kitab At-Tanbih dalam tempoh 4 bulan setengah dan terus belajar kitab Muhadzdzab karangan Asy-Syirazi dalam tempoh 8 bulan dalam tahun yang sama.

## GURU-GURU IMAM NAWAWI

Guru pertama beliau dalam bidang fiqh adalah Al-Kamal Ishaq bin Ahmad bin Usman Al-Maghribi Al-Maqdisi. Gurunya ini sangat sayang kepada beliau kerana ketekunannya menuntut ilmu justeru beliau telah dilantik sebagai pengajar untuk sebahagian besar jemaahnya. Seterusnya, beliau belajar dengan guru-guru lain yang terkenal seperti Abdul Aziz bin Muhammad Al-Ashari, Zainuddin bin Abdud Daim, Imaduddin bin Abdul Karim Al-Harastani, Zainuddin Abul Baqa, Khalid bin Yusuf Al-Maqdisi An-Nabalusi dan Jamaluddin Ibn Ach-Shairafi, Taqiyuddin bin Abul Yusri, Syamsuddin bin Abu Umar. Beliau belajar fighul hadis pada Asy-Syeikh Al-Muhaqqiq Abu Ishaq Ibrahim bin Isa Al-Muradi Al-Andalusi. Kemudian belajar fiqh pada Syamsuddin Abdurrahman bin Nuh dan Izzuddin Al-Arbili serta guru-guru lainnya.

## PERIBADI DAN PERILAKU IMAM NAWAWI

Imam Nawawi menguasai ilmu yang luas, tekun, warak, zuhud, sabar dan sederhana. Pada masa yang sama, beliau dikenali mempunyai kesungguhan yang luas biasa dalam kebaikan lainnya. Beliau tidak rela menghabiskan satu minit tanpa pengabdian pada Rabnya. Beliau meneruskan kehidupan dari sumbangan atau amal jariah yang diberikan kepada Madrasah Ar-Rawahiyyah yang dipimpinnya dan dari apa yang diwarisi dari keluarganya. Walaupun demikian, beliau akan bersedekah dari hartanya yang tidak seberapa itu. Beliau juga banyak memanfaatkan waktu malam hari semata-mata untuk beribadah dan menulis kitab agama



Gambar Hiasan

serta juga tidak lupa untuk menyuruh berbuat baik dan mencegah kemungkar. Sebagai seorang penegak kebenaran, beliau dengan gagah berani manghadapi kezaliman pemerintah dengan nasihat-nasihat yang baik. Beliau juga tidak terpengaruh dengan orang yang mencelanya dalam menegakkan agama Allah. Beliau sentiasa diliputi ketenangan dan kewibawaan dalam membahas masalah agama bersama para ulama dengan warisan Salafus Sholeh dan Ahli Sunah wal Jemaah.

## KITAB-KITAB IMAM NAWAWI

Beliau telah menghasilkan banyak kitab di antaranya al-*Arba'in al-Nawawi*, *Syarah Muslim*, *Al-Irsyad* dan *At-Taqrif* berkenaan dengan umum hadis, *Tahdzibul Asma'a'wal Lughaat*, *Al-Manaasik Al-Kubra*, *Minhajut Taaliban*, *Bustanul Ariffin*, *Khulaasahtul Ahkam fi Muhimmati Sunan wa Qawaa'idil Islam*, *Raudhatut Taalibiin fi 'Umdatil Muftiin*, *Hulyatul Abrar wa Syi'aarul Akhyaar fi Talkhiishid Da'awaat wal Adzkaar* yang lebih dikenal dengan nama *Al-Adzkaar lin Nawawi* dan *At-Tibyaan fi Aadaabi Hamalatil Quran* serta banyak lagi karangan lainnya.

## IMAM NAWAWI MENINGGAL DUNIA

Di penghujung usianya, Imam Nawawi bertolak ke negeri kelahirannya dan menziarahi Al-Quds dan Al-Khalil. Kemudian beliau kembali ke Nawa dan ketika itulah beliau sakit di samping ayah dan ibunya. Imam Nawawi rahimallah meninggal dunia pada malam rabu 24 Rajab 676H dan di kebumikan di Nawa. Kubur beliau sangat terkenal dan diziarahi oleh ramai orang yang mengagumi beliau dalam perjuangan menegakkan agama Islam. Mudah-mudahan Allah merahmatinnya dan ditinggikan darjatnya di Surga. **Edisi**

# Terima Kasih

Penyumbang Tabung Prihatin Covid-19 MAIS atas keprihatinan kepada Barisan Hadapan dan mereka yang memerlukan

**KUTIPAN DAN AGIHAN KESELURUHAN TABUNG  
RM262,212.00**

Ikhlas dari:



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR  
جامعة إسلامية دولية سلاغور

BAKTISUCI HOLDING

TERAS  
Teraju Ekonomi Asnaf



## PECAHAN SUMBANGAN DAN AGIHAN TABUNG COVID 19, MAIS

SUMBANGAN	Baitumal, MAIS RM35,865.00	Kakitangan MAIS RM62,621.33	Perbadanan Wakaf Selangor RM40,000.00	Penyumbang Organisasi RM88,000.00	Penyumbang Individu RM35,725.67	
AGIHAN	Agenzia Kerajaan RM17,620.00	Pegawai Barisan Hadapan RM34,242.00	Institut Pengajian Tinggi RM2,500.00	Madrasah Tahfiz RM21,350.00	Pertubuhan Bukan Kerajaan RM49,500.00	Individu / Keluarga Terjejas RM137,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN RM262,212.00</b>						



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



maisgov.my

\* Data ini belum diaudit



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

“JANGAN PANGGIL KAMI  
LGBT, PANGGILAH  
KAMI KOMUNITI YANG  
DISAYANGI”

LIHAT MUKA SURAT 15



## PELAWAAN PENULISAN KHUTBAH ONLINE

Orang awam dialu-alukan untuk menyumbang idea dalam penulisan khutbah secara online.

Sila layari <http://evokhutbah.jais.gov.my>



SISTEM PENULISAN KHUTBAH ONLINE  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

## PELAWAAN PENULISAN ARTIKEL BAGI JURNAL AL - UMMAH

SEMUA PELANGGAN JAIS ADALAH DIPELAWA UNTUK MENULIS ARTIKEL YANG MERANGKUM ISU-ISU TERAS AGAMA ISLAM (AKIDAH, SYARIAH, AKHLAK DAN PENDIDIKAN). HASIL TULISAN YANG DIPILIH AKAN DIMUATKAN DI DALAM JURNAL AL - UMMAH YANG AKAN DITERBITKAN SETIAP TAHUN

TEMPOH BAGI PENGHANTARAN ARTIKEL ADALAH SEPANJANG MASA DAN TIADA TARikh TUTUP

PANDUAN PENULISAN ARTIKEL LAYARI :-  
[www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my)  
DI RUANGAN HAL EHWAL ISLAM, JURNAL

Hasil Penulisan Artikel Boleh Di Hantar Ke Alamat E-Mail Seperti Berikut :-  
[jurnalummah@jais.gov.my](mailto:jurnalummah@jais.gov.my)

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH MENGHUBUNGKAN UNIT PENAPISAN DAN MEDIA, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI ITALIAN 03-5514 3797 / 3798

KEMPEN

8 to 8 ASNAF

TAMBAH CARUMAN ZAKAT UNTUK

Jom  
MULA / TAMBAH  
Caruman ZAKAT Potongan Gaji  
01 MEI - 31 DISEMBER 2020

MULA/TAMBAH  
CARUMAN BULANAN  
ZAKAT SERENDAH  
RM 8.00  
UNTUK  
8 GOLONGAN  
ASNAF



zakatselangor



zakatTV@youtube

TALIAN ZAKAT SELANGOR 1 300 88 4343

[www.zakatselangor.com.my](http://www.zakatselangor.com.my)